

# Nilai terbitan Cagamas tertinggi pada Ogos

**Cagamas**



**Chung Chee Leong**

**Cagamas** Bhd mengumumkan pemuktamadan gabungan terbitan bernilai RM605 juta yang terdiri daripada Kertas Komersial Konvensional (CCP) bertempoh tiga bulan bernilai RM300 juta dan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan bernilai RM305 juta.

Perbadanan gadai janji negara itu berkata, hasil terbitan berkenaan akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan pembiayaan rumah patuh Syariah daripada sistem kewangan domestik.

“Kami gembira dengan kejayaan pemuktamadan CCP dan ICP itu meman-

dangkan ia masing-masing adalah terbitan keempat dan kelima bagi Ogos.

“Ini menjadikan jumlah nilai terbitan bagi bulan ini sahaja adalah sebanyak RM1.8 bilion, yang juga paling tinggi bagi 2019 setakat ini,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong dalam satu kenyataan.

Pemuktamadan ini menjadikan terbitan syarikat setakat ini bagi 2019 adalah bernilai sebanyak RM5.6 bilion.

Walaupun wujud ketidaktentuan ketara daripada unjuran kadar pertumbuhan global seperti dibuktikan menerusi bebe-

rapa pelonggaran dasar monetari di rantau ini, namun kertas konvensional dan kertas jangka pendek Islam itu memperoleh harga kompetitif yang dirujuk pada 15 mata asas di bawah Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur tiga bulan.

“Terbitan itu akan dilanggan sepenuhnya oleh institusi kewangan yang terus mencari aset pelaburan gred tinggi jangka pendek pada peringkat domestik,” katanya.

**BERNAMA**



24 AUG, 2019

## Nilai terbitan Cagamas tertinggi pada Ogos

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Cagamas Bhd mengumumkan pemuktamadan gabungan terbitan bernilai RM605 juta yang terdiri daripada Kertas Komersial Konvensional (CCP) bertempoh tiga bulan bernilai RM300 juta dan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan bernilai RM305 juta. Perbadanan gadai janji negara itu berkata, hasil terbitan berkenaan akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan pembiayaan rumah patuh Syariah daripada sistem kewangan domestik. "Kami gembira dengan kejayaan pemuktamadan CCP dan ICP itu memandangkan

ia masing-masing adalah terbitan keempat dan kelima bagi Ogos.